

PAS selar Umno 'bebal' isu p'raya masjid

Malaysiakini.com

June 14, 2011

PAS menyelar pemimpin Umno yang didakwa bersikap seperti berpenyakit bebal kerana cuba mengeksploitasi isu pilihan raya masjid yang diperkenalkan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Ahli jawatankuasa PAS Pusat Idris Ahmad mendakwa tujuan isu itu dieksploitasi dengan harapan "orang Melayu semakin marah dengan Pakatan Rakyat kerana mempolitikkan masjid".

"Mereka akan manipulasi isu ini untuk menuduh kerajaan Pakatan Rakyat menimbulkan kecelaruan kepada orang Islam.

"Apa yang paling kelakar mereka berhujah kenapa kuil dan gereja tidak ada pemilihan ahli jawatankuasa seperti pemilihan ahli jawatankuasa masjid," katanya dalam satu kenyataan.

Idris mendakwa Umno sebenarnya mahu melindungi kerja jahat mereka terhadap institusi masjid di bawah kerajaan BN kerana didakwa pemilihannya "tidak demokratik dan dipilih oleh pemimpin Umno bukan anak kariah".

"Perlantikan bukan ahli masjid, yang tidak layak dari segi peribadi untuk imarahkan masjid. Tetapi oleh kerana ia dibincang dengan Umno maka semua boleh.

Umno meniru

"Kita boleh lihat masjid di negeri Umno dan Pakatan Rakyat dari segi imarah. Masjid di negeri Umno mati sebelum ahli kariah mati," katanya.

Idris mendakwa Umno bersikap anti pembaharuan kerana "berfikiran jumud dan zero IQ" sehingga menyebabkan setiap pembaharuan yang ingin dibuat "akan ditentang secara melulu walaupun akhirnya mereka akan meniru".

"Rakyat Malaysia tentu masih ingat ketika Kerajaan Kelantan memperkenalkan hari bekerja selama lima hari seminggu, pemimpin Umno menuduh kerajaan Kelantan malas dan akan merendahkan produktiviti.

"Tidak berapa lama kerajaan pusat mengikut jejak langkah yang sama," katanya yang juga bekas ketua penerangan PAS Pusat.

Sedangkan katanya, perubahan cara pemilihan jawatankuasa masjid itu sahaja yang berubah berbanding dahulu undian dilakukan dengan cara angkat tangan.

Katanya, pemilihan jawatankuasa kariah masjid itu mengikut Seksyen 104 (1) (b) Enakmen Negeri Pulau Pinang 2004 dan 4(1) Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (negeri Pulau Pinang).